

# KEPENTINGAN KUALITI DAN KEMAHIRAN DALAM PASUKAN USAHANIAGA YANG MANTAP

Untuk memastikan sebuah usahaniaga baharu mempunyai pasukan yang teguh dan mantap, pengasas atau pengasas-pengasas perlu menyedari kepentingan kualiti dan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang tinggi dan berguna adalah salah satu sumber aset yang penting dan sangat bernilai.

Terdapat beberapa kualiti dan kemahiran yang harus dimiliki oleh pengasas atau pengasas-pengasas sesebuah usahaniaga baru untuk memastikan kejayaan dan kelangsungan firma untuk terus berada di pasaran. Berikut merupakan kepentingan kualiti dan kemahiran yang seharusnya boleh dipraktikkan dalam membangunkan sesebuah usahaniaga baharu:

## Minat dan Pengetahuan Pengasas

1. Usahawan yang bertindak juga sebagai pengasas atau sekumpulan pengasas tersebut mestilah mempunyai minat dan pengetahuan asas dalam bidang perniagaan yang diceburi. Minat itu mestilah berkekalan dan mendalam supaya boleh memberikan motivasi tinggi kepada usahawan.
2. Pengetahuan teknikal juga penting untuk membolehkan mereka mengeluarkan produk atau perkhidmatan yang mempunyai kualiti keluaran yang tinggi.
3. Dengan adanya pengetahuan dalam bidang yang diceburi atau bakal diceburi, mereka dapat memahami dan meningkatkan keupayaannya dengan lebih baik lagi tentang selok-belok perniagaan dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa dalam dunia keusahawanan.
4. Pengetahuan asas dan tambahan boleh diperolehi melalui sistem pendidikan seperti belajar di institusi/agensi berasaskan keusahawanan atau universiti, membaca buku yang berkenaan dengan bidang/industri dalam keusahawanan, mengikuti kursus-kursus perniagaan, temubual dengan usahawan yang sudah berjaya, dan memerhati bagaimana usahawan lain menjalankan perniagaan mereka.

---

## Latar Belakang Pendidikan

---

1. Seorang pengasas yang mempunyai latar belakang pendidikan terutamanya pendidikan dan pembelajaran mengenai bidang keusahawanan dan yang berkaitan dengan kemahiran serta pengetahuan asas dalam sesebuah bidang atau industri sudah tentunya mempunyai kelebihan tersendiri.
2. Seperti contohnya, kemahiran atau skil kreativiti, komputer, berkomunikasi dan menganalisa peluang persekitaran perniagaan. Kemahiran berkomunikasi yang baik mampu menjalinkan perhubungan yang baik dengan orang luar termasuklah pelanggan.
3. Pengetahuan, skil atau kemahiran yang diperolehi melalui pendidikan keusahawanan seperti kemahiran pencarian maklumat, kreativiti, dan komputer juga mampu memberikan mereka kelebihan daya saing.
4. Cara-cara berkomunikasi menjadi lebih berkesan dan efisien apabila pengasas yang berpengetahuan dalam menggunakan komputer melalui rangkaian internet.
5. Secara tidak langsung, kemahiran-kemahiran ini dapat mendedahkan mereka tentang perkembangan dunia teknologi pada masa kini dan dapat memudahkan perhubungan dan pencarian maklumat dengan menjimatkan kos dan masa yang lebih.

## Pengalaman dalam bidang diceburi

---

1. Pengasas juga perlu mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perniagaan yang hendak diceburinya. Beliau juga mesti tahu segala selok-belok bagaimana hendak menguruskan sesebuah perniagaan sama ada membuka kedai pakaian, menjalankan perniagaan secara atas talian dan juga selainnya yang ingin diceburi.
2. Contohnya, jika beliau hendak membuka kedai membuat kek, beliau mesti tahu dari mana untuk mendapatkan stok bahan-bahan membuat kek tersebut, siapa pembekal-pembekal, ataupun siapa pesaing-pesaing sedia ada atau bakal pesaingnya.

3. Faktor pengalaman juga turut menyumbang kepada sesuatu usaha perniagaan itu mencapai matlamat perniagaannya. Pengalaman boleh diperolehi dengan cara bekerja, atau mendapatkan latihan praktikal sebagai pembantu atau pekerja dalam bidang perniagaan yang berkenaan.

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa pengalaman, pengetahuan dan kepakaran tersendiri yang dimiliki oleh setiap ahli pasukan usahaniaga baharu boleh diperolehi daripada pengajian mereka ataupun pernah menjawat jawatan penting mengikut bidang kemahiran masing-masing dalam kerjaya mereka sebelum ini. Jaringan sosial dan profesional keusahawanan juga memainkan peranan penting memandangkan ianya juga salah satu kualiti yang perlu ada dalam sesebuah pasukan usahaniaga baharu yang mantap dan kukuh.

**DISEDIAKAN OLEH:**

**MERLYN RITA ANAK BUNCHA,**

**PENSYARAH PROGRAM KEUSAHAWANAN,**

**FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PERAKAUNAN,**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.**

[merlyn@ums.edu.my](mailto:merlyn@ums.edu.my)